

# Nafi dera tiga murid tabika

FOTO: ZUNNUR AL SHAFIQ

■ **Bekas guru diikat jamin RM9,000**

Sarah Zulkiffi

sarah@hmetro.com.my

## Ampang

Seorang bekas guru tabika mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret, di sini, semalam, atas tiga tuduhan mendera tiga murid lelaki tabika KEMAS di Pandan Indah, tahun lalu.

Tertuduh, Ruziathul Akmar Mohd Hamzah, 34, membuat pengakuan itu sebaik semua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Mohamad Firdaus Sadina Ali.

Mengikut pertuduhan, dia yang sudah berkahwin itu didakwa melakukan perbuatan terbabit terhadap dua kanak-kanak lelaki berusia enam tahun dan seorang lagi berusia lima tahun di tabika berkenaan di Pandan Indah 6/8, di sini, antara Januari tahun lalu hingga 1 Oktober tahun sama.

Dakwaan kes dilakukan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan hukuman denda RM20,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau keduanya-duanya, jika disabit kesalahan.



**RUZIATHUL Akmar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Ampang, semalam.**

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Norhashimah Hashim menawarkan wang jaminan RM18,000 dengan seorang penjamin bagi ketiga-tiga pertuduhan.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam bela memohon

mahkamah mengurangkan wang jaminan dengan alasan tidak berkemampuan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM9,000 bagi semua pertuduhan dan menetapkan 17 Jun ini sebagai sebutan semula kes.